

KUKUM TANDATANGANI TUJUH MoU SERENTAK

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) terus memantapkan hubungan kerjasama dengan pihak industri apabila termeterainya tujuh Perjanjian Persefahaman (MoU) secara serentak dengan tiga buah syarikat antarabangsa dan empat buah syarikat tempatan di dalam Majlis 'KUKUM Bersama Media' anjuran universiti tersebut di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur pada 29 Julai 2005 lalu.

Antara syarikat yang telah menandatangani perjanjian tersebut ialah Full Base Union Company Limited dan Power Cell Company Limited dari Bangkok, Thailand dan First Guardian Pty Ltd, Australia serta empat buah syarikat tempatan iaitu Klapa Biotech Industries Sdn. Bhd., Flex-P Industries Sdn. Bhd., Symmid Corporation Sdn. Bhd. dan Marditech Corporation Sdn. Bhd.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah disempurnakan oleh Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dengan wakil-wakil syarikat tersebut sambil disaksikan oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis yang juga Canselor KUKUM.

Perjanjian Persefahaman tersebut akan membabitkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak di dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti. Antara bidang yang akan diberi keutamaan ialah kolaborasi penyelidikan, bioteknologi, kajian kebolehlaksanaan kitar semula, pengkomersilan produk, teknologi sel solar, kerjasama penyelidikan bioproses ke atas minyak kelapa, penempatan latihan industri untuk staf dan pelajar KUKUM, penganjuran seminar secara bersama, khidmat nasihat dalam perkembangan industri yang dikenal pasti, penghasilan produk perisian serta aplikasi komputer bermutu tinggi dan sebagainya.

